

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKUATKUASA

3. Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan surat edaran ini ialah Seksyen 19, Akta 227 atau Seksyen 21, Akta 239 yang keduanya menyatakan "Apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud:- (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak berkuasa Berkanun atau Tempatan."

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

4. Semua penjawat awam bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang piutang kepada Kerajaan sebelum persaraan daripada perkhidmatan awam.

5. Walau bagaimanapun, bagi pinjaman perumahan, cara bayaran balik baki pinjaman perumahan dan kadar potongan baginya adalah berasaskan persetujuan bersama dalam perjanjian pinjaman dengan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP)/ Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) atau agensi-agensi lain yang memberi pinjaman. Jabatan ini akan mematuhi arahan daripada agensi yang memberi pinjaman berasaskan peruntukan di dalam perjanjian dan tidak akan membuat sebarang perubahan kepada arahan tersebut.

TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

6. Bahagian/unit yang menguruskan sumber manusia (PSM) dan persaraan di semua agensi hendaklah memastikan semua hutang

kepada Kerajaan dicatat dengan lengkap dan tepat pada Sijil Akuan Berhutang (SAB) sebelum menghantar permohonan persaraan untuk dipotong daripada faedah persaraan anggotanya. Dalam hal ini, arahan di atas apabila dipatuhi akan membantu Kementerian/Jabatan mengurangkan akaun belum terima (ABT).

PENUTUP

7. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi :

(a) Unit Belanjawan dan Audit Kewangan

Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA

03-8885 4533/ 4538

(u.p: Puan Halizatul Safizah Abdul Semat/ Puan Nor Azizah Abdul Aziz) ; atau

(b) Seksyen Akaun dan Pelaporan (*Accounts and Reporting*)


Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

03-8887 8777 (talian umum) atau 03-8887 8696/ 8692/ 8681/ 8680

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK YEOW CHIN KIONG)

Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.



2092

Ruj Kami : JPA/PEN/144/36 Jld.2 (I)

Tarikh : 17 Oktober 2016

- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- Semua Ketua Jabatan Persekutuan
- Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri
- Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan,

TANGGUNGJAWAB MENYELESAIKAN HUTANG KEPADA KERAJAAN


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Surat edaran ini menjelaskan berkenaan kutipan yang dibenarkan ke atas hutang dan bayaran yang sepatutnya dipulangkan kepada kerajaan apabila seseorang penjawat awam itu tidak lagi berkhidmat dalam perkhidmatan awam mengikut Akta-akta yang sedang berkuatkuasa.

	PENGARAH POLITEKNIK MELAKA
DITERIMA :	27 OCT 2016
TP	TINDAKAN SERTA MERTA
KIA	TINDAKAN SEGERA
KJE	Untuk Tindakan /
KJM	Untuk Edaran /
KJP	Untuk Makluman
KJMSK	Untuk Simpanan
KJPA	K.I.V.
KJHP	SILA HADIR
	Catatan :

PPT (u) - Hebah lpd
 Semu ks/keu.
 KeTM - Sila upload di
 portal uttengalan
 staf PPK -
 (Pekerj/Docer)

27/10/16



UNIT PENTADBIRAN	
Status pengedaran surat:	
1. <input checked="" type="checkbox"/> Emel	2810
2. <input type="checkbox"/> Fotostat - Serahan	
3. <input type="checkbox"/> Fotostat - Pigeon	
4. <input type="checkbox"/> e-Document	1
5. <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)	



PPT
 Edar lpd semu
 staf untuk makluman
 28/10/2016

AKTA YANG BERKUATKUASA

3. Akta yang berkaitan dengan Surat edaran ini dijelaskan oleh peruntukan di bawah Seksyen 19, Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang menyatakan 'Apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud- (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak berkuasa Berkanun atau tempatan;

dan Seksyen 21, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Akta 239) pula menyatakan 'Apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak berkuasa Berkanun atau tempatan

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

4. Seperti yang YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan sedia maklum, setiap penjawat awam bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala hutang piutang kepada Kerajaan sebelum menamatkan perkhidmatan melalui persaraan wajib dan pilihan atau apabila ditamatkan perkhidmatannya. Hutang-hutang berkenaan dan juga bayaran yang sepatutnya dijelaskan oleh setiap penjawat awam akan dipotong daripada faedah persaraan seandainya jumlah berkenaan tidak dapat dilunaskan. Namun begitu, penjawat awam perlu mengambil maklum bahawa jumlah yang bakal dipotong adalah untuk keseluruhan jumlah yang masih

terhutang ataupun yang tidak dipulangkan kepada Kementerian/Jabatan dan Agensi yang berkenaan.

5. Pembayaran jumlah yang terhutang akan diambil daripada ganjaran persaraan bagi bakal pesara dan seandainya tidak mencukupi akan dipotong daripada pencen bulanan secara penuh sehingga selesai. Bagi penjawat awam yang telah bersara, potongan secara penuh melalui pencen bulanan akan dilakukan setelah JPA mengenalpasti terdapat jumlah yang masih terhutang oleh pesara-pesara. Bagaimanapun, jabatan terakhir bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan pesara (bekas kakitangan) terlebih dahulu dan menentukan tempoh masa dan jumlah potongan yang dipersetujui di antara kedua-dua pihak sekiranya pesara tidak bersetuju dengan pemotongan secara penuh.

6. Jenis hutang dan bayaran yang masih terhutang kepada kerajaan adalah termasuk:

- (i) KWSP caruman syer kerajaan (yang telah dikeluarkan);
- (ii) ganjaran ATM, elaun mobilisasi, bayaran suguhati ATM, ganjaran perkahwinan dan bayaran balik wang ganjaran (guru kontrak Sabah);
- (iii) potongan pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan serta pinjaman komputer;
- (iv) cukai pendapatan;
- (v) saraan (gaji dan elaun) yang terlebih ambil oleh penjawat awam; dan
- (vi) hutang-hutang lain kepada kerajaan yang kutipan balik telah dipersetujui oleh JPA.

TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

7. Bahagian/unit yang menguruskan hal ehwal sumber manusia (PSM) di semua agensi perlu bertanggungjawab untuk memastikan semua hutang dan bayaran yang perlu diselesaikan sebelum menamatkan perkhidmatan manakala bayaran balik seperti di perenggan 4 (v) perlu dikenalpasti dan dimaklumkan kepada Bahagian/unit yang membuat bayaran supaya kutipan bayaran daripada penjawat awam yang masih berkhidmat dapat dilakukan bagi mengelakkan peningkatan Akaun Belum Terima. Peraturan seperti di perenggan 2.3.4, Lampiran 1, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 16 Tahun 2014 perlu digunapakai bagi kes pemotongan emolumen ke atas penjawat awam yang masih berkhidmat.

8. PSM juga perlu menyatakan jumlah hutang dalam Sijil Akuan berhutang (seperti dilampirkan) sebelum mengemukakan kepada JPA bagi urusan persaraan tanpa sebarang pengecualian. Sebarang hutang atau bayaran yang dikenalpasti selepas urusan bayaran faedah persaraan berlaku perlu dimaklumkan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA dengan segera.

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN, JPA

9. Surat edaran ini merupakan satu arahan terhadap potongan ke atas faedah persaraan iaitu ganjaran, gantian cuti rehat dan pencen bulanan yang diberikan kepada pihak yang memproses urusan persaraan iaitu Kumpulanwang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP(D)].

10. JPA akan mengeluarkan surat teguran kepada mana-mana agensi yang tidak peka dan lalai terhadap tanggungjawab seperti di perenggan 7 dan 8.

11. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan, KWAP(D) akan membuat potongan dari ganjaran terbitan hanya bagi hutang KWSP syir kerajaan (yang telah dikeluarkan) sahaja iaitu seperti yang termaktub di dalam Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 dan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990. Jika gemulah mempunyai hutang kerajaan selain daripada KWSP syir kerajaan (yang telah dikeluarkan), potongan bagi hutang-hutang tersebut tidak akan dibuat daripada faedah terbitan yang akan dibayar kepada penerima-penerima yang layak. Ini adalah kerana pencen terbitan dan ganjaran terbitan yang dibayar adalah menjadi hak mutlak penerimanya. Sebarang potongan ke atas pembayaran tersebut untuk tujuan menjelaskan hutang-piutang gemulah kepada Kerajaan adalah bertentangan dengan Perkara 13(1), Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa: "*No Person shall be deprived of property save in accordance with law*". Oleh kerana balu atau duda dan anaknya mempunyai "hak eksklusif" terhadap faedah itu maka hanya mereka sahaja yang boleh beri milik (*alienate*) kepada orang lain.

Sehubungan dengan itu, jika si penerima ganjaran terbitan dan pencen terbitan hendak membayar hutang-piutang gemulah, pembayaran balik hutang tersebut hendaklah dibayar sendiri oleh si penerima ganjaran dan pencen terbitan tersebut. KWAP(D) tidak akan membuat sebarang potongan daripada faedah terbitan selain daripada hutang KWSP syer kerajaan (yang telah dikeluarkan).

PENUTUP

13. Kerjasama semua pihak yang terbabit dalam perkara ini adalah amat diharapkan supaya tidak timbul lagi keadaan di mana hutang-hutang

kerajaan gagal untuk dikutip balik yang mana secara tidak langsung mengakibatkan kerugian kepada kerajaan .


14. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi :

- (a) Unit Belanjawan dan Audit Kewangan
Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA
03-8885 4533/ halizatul.semat@jpa.gov.my
(u.p: Puan Halizatul Safizah Abdul Semat) ; atau
- (b) 03-8885 4538/ azizah.aziz@jpa.gov.my
(u.p: Puan Nor Azizah Abdul Aziz); dan
- (c) Unit Akaun dan Laporan (*Accounts and Reporting*)
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
03-8887 8680/ 8681 atau 03-8887 8777 (talian umum)

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK YEOW CHIN KIONG)

Pengarah

Bahagian Pasca Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Telefon: 03-8885 4014/ Email: ckyeow@jpa.gov.my

Jenis hutang	No. Rujukan / No. Akaun	Amaun (RM)
j) 4 0 1 Elaun tamat perkhidmatan mobilisasi	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
k) Hutang – hutang lain	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
.....	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
.....	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
.....	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>

(C) PENGAKUAN PESARA

1. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dicatatkan di atas adalah betul dan lengkap.
 2. Saya bukan seorang bankrap dan tidak diisytiharkan takberkemampuan.
 3. Saya membenarkan potongan dibuat daripada faedah persaraan.

(Tandatangan)

Nama :

Tarikh:

(D) PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang dicatatkan adalah betul dan lengkap.

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan : Cop Rasmi Jabatan :

Tarikh :